



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49  
Bil. 2

18hb Januari 1996

TAMBAHAN No. 1  
ENAKMEN

Enakmen-Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Perak pada 31hb Oktober 1995 dan 3hb November 1995 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 10hb Januari 1996 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactments passed by the State Legislative Assembly Perak on the 31st October 1995 and 3rd November 1995 and assented by His Royal Highness the Sultan of Perak on the 10th January 1996 are published for general information:

Enakmen Bil.	Nama	Muka
1.	Enakmen Perbekalan 1996 ... .. Supply Enactment 1996	1
2.	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak (Bahagian Pertama) (Pindaan) 1995 Laws of the constitution of Perak (First Part) (Amendment) Enactment 1995	7

BETA PERKENANKAN,

(SULTAN AZLAN SHAH),

*Sultan Perak*

(Mohor Kerajaan)

10 Januari 1996

Suatu Enakmen untuk meminda Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak.

[ m.b.k., 19.1.1996 ]

ADALAH DENGAN INI DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Kuasa Undang-Undang Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak (Bahagian Pertama) (Pindaan) 1995. Tajuk ringkas.
2. Fasal XVI Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak yang disebut "Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh" dalam Enakmen ini, adalah dipinda dalam perenggan-kecil 2(b) dengan menggantikan perkataan "lapan" dengan perkataan "sepuluh". Pindaan Fasal XVI.
3. Fasal XXXVIA Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh adalah dipinda— Pindaan Fasal XXXVIA.
  - (i) dengan menggantikan perenggan (1) dan (2) dengan perenggan yang berikut:

“(1) Dewan Perhimpunan Undangan hendaklah dari semasa ke semasa memilih—

    - (a) mana-mana orang yang menjadi ahli atau layak menjadi ahli Dewan Perhimpunan Undangan sebagaimana ditentukan oleh Dewan Undangan sebagai Yang Dipertua; dan

(b) seorang daripada kalangan ahli Dewan Perhimpunan Undangan sebagai Timbalan Yang Dipertua, dan tidaklah boleh menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Yang Dipertua kosong selain daripada pemilihan Yang Dipertua.

(1A) Mana-mana orang yang bukannya ahli Dewan Perhimpunan Undangan yang dipilih sebagai Yang Dipertua—

(a) hendaklah, sebelum menjalankan tugas-tugas jawatannya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Dewan Undangan sumpah jawatan; dan

(b) hendaklah, oleh sebab dia memegang jawatannya itu, menjadi ahli Dewan Undangan sebagai tambahan kepada ahli-ahli yang dipilih ke Dewan Undangan:

Dengan syarat bahawa perenggan-kecil

(b) tidaklah mempunyai kuatkuasa bagi maksud peruntukan Fasal XVI dan tiada seorang pun berhak, menurut kuasa perenggan itu, mengundi atas apa-apa perkara di hadapan Dewan Undangan.

(2) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

(a) apabila Dewan Perhimpunan Undangan bermesyuarat bagi pertama kalinya selepas suatu pilihanraya umum;

(b) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan Undangan melainkan oleh sebab pembubarannya atau, jika dia menjadi ahli semata-mata menurut kuasa perenggan-kecil (b) perenggan (1A), apabila dia terhenti berkelayakan menjadi ahli;

(c) apabila telah menjadi hilang kelayakan di bawah perenggan (5); atau

(d) jika pada bila-bila masa, Dewan Undangan membuat ketetapan sedemikian.

(2A) Timbalan Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan menulis surat yang ditandatangani dan dialamatkan kepada Setiausaha Dewan Perhimpunan Undangan, dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

(a) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan Undangan;

- (b) apabila telah menjadi hilang kelayakan di bawah perenggan (5); atau
- (c) jika pada bila-bila masa Dewan Undangan membuat ketetapan sedemikian.”; dan
- (ii) dengan memotong perkataan “yang lain” dalam perenggan (3); dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “Speaker” perkataan “atau Timbalan Yang Dipertua” dalam perenggan (5) dan (6).

Pindaan  
Fasal  
XXXV,  
XXXVA,  
XXXVI  
dan  
XXXVIA di  
dalam teks  
Bahasa  
Kebangsaan.

4. Fasal XXXV, XXXVA, XXXVI dan XXXVIA Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh di dalam teks Bahasa Kebangsaan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Speaker” dengan perkataan “Yang Dipertua”.

Diluluskan pada 31hb Oktober 1995.

[PSUK. Pk. (MAJ) A355/736; PU. Pk. 79/84.]

MHD. NAJRI BIN ABD. HAMID,

*Setiausaha,*

*Dewan Perhimpunan Undangan Negeri,*

*Perak*

I ASSENT,

(SULTAN AZLAN SHAH),  
*Sultan of Perak*

(State Seal)

10th January 1996

An Enactment to amend the First Part of the Laws of the Constitution of Perak.

[ m. l. u. 19. 1. 1996 . ]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

1. This Enactment may be cited as the Laws of the Constitution of Perak (First Part) (Amendment) Enactment 1995. Short title.
2. Article XVI of the First Part of the Laws of the Constitution of Perak, which in this Enactment is referred to as "the First Part of the Constitution", is amended in subparagraph 2(b) by substituting for the word "eight" the word "ten". Amendment of Article XVI.
3. Article XXXVIA of the First Part of the Constitution is amended— Amendment of Article XXXVIA.
  - (i) by substituting for paragraphs (1) and (2) the following paragraphs:
 

“(1) The Legislative Assembly shall from time to time elect—

    - (a) as Speaker, such person as the Assembly may determine who is a member or qualified to be a member of the Legislative Assembly; and
    - (b) a Deputy Speaker from among members of the Legislative Assembly,

and shall transact no business when the office of the Speaker is vacant other than the election of the Speaker.

(1A) Any person elected as Speaker who is not a member of the Legislative Assembly—

(a) shall, before he enters upon the duties of his office, take and subscribe before the Assembly an oath of office; and

(b) shall, by virtue of holding his office, be a member of the Assembly additional to the members elected to the Assembly:

Provided that subparagraph (b) shall not have effect for the purposes of the provisions of Article XVI and no person shall be entitled by virtue of that paragraph to vote on any matter before the Assembly.

(2) The Speaker may at any time resign his office and shall vacate his office—

(a) when the Legislative Assembly first meets after a general election;

(b) on his ceasing to be a member of the Assembly otherwise than by reason of a dissolution thereof or, if he is a member by virtue only of subparagraph (b) of paragraph (1A), on his ceasing to be qualified to be a member;

(c) upon being disqualified under paragraph (5); or

(d) if the Assembly at any time so resolves.

(2A) A Deputy Speaker may at any time resign his office by writing under his hand addressed to the Clerk of the Legislative Assembly, and shall vacate his office—

- (a) on his ceasing to be a member of the Assembly;
  - (b) upon being disqualified under paragraph (5); or
  - (c) if the Assembly at any time so resolves.”; and
- (ii) by deleting the word “other” in paragraph (3); and
- (iii) by inserting after the word “Speaker” the words “or Deputy Speaker” in paragraphs (5) and (6).

4. Articles XXXV, XXXVA, XXXVI and XXXVIA of the First Part of the Constitution in the National Language text is amended by substituting for the word “Speaker” the words “Yang Dipertua”.

Amendment  
of Article  
XXXV,  
XXXVA,  
XXXVI and  
XXXVIA in  
the National  
Language  
text.

Passed this 31st day of Oktober 1995.

[PSUK. Pk. (MAJ) A355/736; PU. Pk. 79/84.]

MHD. NAJRI BIN ABD. HAMID,  
*Secretary,*  
*State Legislative Assembly,*  
*Perak*